

|            |                             |             |                     |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | TH sasar kepuasan pelanggan |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                |             |                     |
| Date       | 18 Sep 2013                 | Color       | Black/white         |
| Section    | Nasional                    | Circulation | 60,000              |
| Page No    | 16                          | Readership  | 180,000             |
| Language   | Malay                       | ArticleSize | 121 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                         | AdValue     | RM 484              |
| Frequency  | Daily                       | PR Value    | RM 1,452            |



# TH sasar kepuasan pelanggan

**MAKKAH** - Lembaga Tabung Haji (TH) menyasarkan capaian sebanyak 84 peratus bagi Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) bagi pengurusan haji tahun ini.

Ketua Rombongan Haji Malaysia Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, CSI itu sebenarnya memang meningkat dari tahun ke tahun daripada sasaran yang ditetapkan dan ia bukti komitmen TH untuk terus memberi perkhidmatan muassah yang terbaik bagi jemaah haji Malaysia.

"Setiap tahun kami dapati CSI jemaah haji Malaysia meningkat berbanding sasaran yang ditetapkan dan bagi tahun 1434 Hijrah ini sasaran CSI ialah 84 peratus," katanya pada Majlis Táaruf (Orientasi)

Rombongan Haji Malaysia dengan Muassasah Asia Tenggara di sini, malam semalam.

Menurutnya, sasaran itu bersesuaian dengan piawaian pengurusan dan perkhidmatan haji di Malaysia dan Arab Saudi yang memperoleh pensijilan ISO 9001:2008 sejak 2006.

Beliau berkata, TH memahami tindakan kerajaan Arab Saudi mengurangkan jumlah jemaah haji dari seluruh dunia pada tahun ini demi keselamatan dan keselesaan jemaah akibat kerja menaik taraf kemudahan dan pembangunan di sekitar Masjidil Haram.

Syed Saleh berkata, sehubungan itu jumlah jemaah haji Malaysia bagi tahun ini dikurangkan kepada

22,320 orang sahaja.

"Kerajaan Arab Saudi memang memuji pengurusan TH bahkan banyak negara dari seluruh dunia datang ke TH setiap tahun untuk mempelajari sistem Tabung Haji," katanya.

Bagaimanapun kejayaan TH itu tidak mungkin dicapai dengan sendiri tanpa kerjasama muassah Asia Tenggara yang membantu pengurusan TH di Arab Saudi, katanya.

Antara yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Muassasah Asia Tenggara Tan Sri Sheikh Zuhir Abdul Hamed Sedayu serta timbalan-timbalannya Sheikh Mustafa Hamzah Damanhuri dan Taib Abdul Rahim Bukhari.-Bernama